



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) **menafikan** pihaknya meminta maklumat perniagaan syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta data peribadi pelanggan untuk tujuan agihan geran sebanyak RM3,000 daripada pihak AIM.
2. Ketua Polis Daerah Kuching, Sarawak **menafikan** seorang individu yang bertindak memecahkan cermin ambulan dan melarikan diri di Jalan Kulas, Satok adalah pesakit positif COVID-19 dan **menjelaskan** individu tersebut sebenarnya mabuk lalu menahan ambulan yang dalam perjalanan ke sebuah kampung untuk menangani satu kes kecemasan.

**Pasukan Respon Pantas
KKMM
14 April 2020 | 7.00 Malam**

